

27/08/2002

Indonesia wajar nilai kelemahan sendiri

Mokhtar Alias

SEKALI lagi ada pihak di Jakarta rasa tersinggung dengan tindakan Kuala Lumpur menghantar pulang pendatang tanpa izin dari negara ini dan mengenakan hukuman lebih berat termasuk sebat bagi mereka yang datang tanpa dokumen perjalanan sah.

Sekalipun pemimpin kerajaan Indonesia belum menyuarakan bantahan, daripada laporan akhbar dan majalah mingguan utama di Indonesia kebelakangan ini dapat dilihat berkembangnya sentimen kebencian terhadap tindakan kerajaan Malaysia itu.

Sehinggakan Ketua Majlis Permesyuaratan Rakyat, Amien Rais yang kini sedang berkempen untuk menjadi Presiden Indonesia turut tumpang semangguk, sama ada mahu mencari publisiti murahan atau apa alasannya. Yang jelas, beliau mengatakan tindakan kerajaan ini tidak berperikemanusiaan.

Menteri Kehakiman dan Hak Asasi Manusia, Yusril Ihza Mahendra mengatakan ia bukanlah melambangkan pendirian kerajaan negara itu. Tetapi, kedatangan beliau ke Kuala Lumpur, baru-baru ini, menunjukkan betapa seriusnya masalah ini kerana ia membabitkan masa depan rakyat negara itu.

Perlu diingat Indonesia masih belum pulih sepenuhnya daripada krisis ekonomi sehingga dianggarkan 40 juta rakyatnya menganggur kerana kekurangan peluang pekerjaan.

Ini ditambah pula konflik daerah di Aceh dan Irian Jaya, pertembungan antara etnik seperti Ambon dan Sampit-Palangkaraya yang masih berbekas menyebabkan sebahagian rakyatnya hidup dalam kepanasan. Masalah sosial ini pula menyebabkan kira-kira satu juta rakyat menjadi pelarian di tanah air sendiri.

Namun, di sebalik rasa tersinggung dan marah ini tidak terlintaskah Jakarta untuk memikirkan mengapa rakyatnya lebih rela keluar dari tanah air mereka tanpa dokumen perjalanan yang sah.

Daripada suasana dalam negara yang kurang mengizinkan, antara jawapan yang sangat mudah adalah soal fiskal atau cukai kepala dan kerehah birokrasi. Pada ketika Jakarta perlu memberikan pekerjaan kepada kira-kira 40 juta rakyat yang menganggur ini, mereka seolah-olah menutup pintu untuk mengelak rakyatnya keluar mencari rezeki.

Halangan paling utama adalah setiap warga Indonesia yang mahu keluar dari negara seperti Jakarta perlu membayar fiskal Rp1 juta (kira-kira RM430). Difahami, jika keluar melalui beberapa pintu keluar terpilih termasuk Batam mereka hanya perlu membayar separuh daripada jumlah berkenaan. Setiap kali keluar, mesti bayar.

Fiskal juga dikenakan terhadap semua rakyat asing yang mendapat visa untuk bekerja di negara itu. Di Bandara (lapangan terbang) Sukarno-Hatta tersedia tempat pembayaran fiskal yang diuruskan oleh pihak bank dan tempat pemeriksaan khusus sebelum memasuki jalur imigresen.

Hal ini tidak seburuk mana kerana ia sudah ditetapkan. Sesiapa saja mahu keluar perlu bayar Rp1 juta tetapi ada satu lagi halangan yang sangat menyulitkan berhubung proses birokrasi untuk mendapatkan passport antarabangsa.

Ini bukanlah suatu rahsia apabila rakyat yang mahu mendapatkan passport ini perlu melalui satu deretan kerehah birokrasi yang sangat menyulitkan. Sebab itu, rakyat menggunakan ejen kerana setiap pintu birokrasi dikatakan perlu membayar tol.

Ini berbeza dengan negara lain yang membayar dan mendapat layanan sama rata ketika berurusan. Tidakkah menghairankan apabila rakyat yang perlu

keluar negara pernah menggunakan wang yang banyak.

Ada beberapa desakan dari Jakarta sendiri yang meminta kerajaan memansuhkan wang fiskal ini sejak zaman bekas Presiden Abdurrahman Wahid dan kini Presiden Megawati Sukarnoputri. Sudah ada kajian dilakukan tetapi belum ada keputusan muktamad daripada pihak kerajaan.

Halangan inilah sebenarnya memaksa rakyat yang kebanyakannya miskin dan tidak berkemampuan terpaksa menyabung nyawa menaiki bot melayari Selat Melaka umpamanya untuk datang ke Malaysia. Mereka tidak ada pilihan lain kerana bila tanah sudah gersang, apa lagi yang boleh ditanam. Maka, berbondong-bondong mereka mencari tanah baru yang subur.

Secara kebetulan mereka menemui Malaysia yang menyediakan peluang pekerjaan daripada sektor pembinaan dan perladangan, manakala wanita pula boleh bekerja sebagai pembantu rumah atau kilang elektronik. Ditambah pula sikap terbuka rakyat Malaysia yang menganggap mereka sebagai abang kandung menjadikan arus penghijrahan ini semakin menjadi-jadi.

Selain itu, dasar berlembut kerajaan sebelum ini yang hanya menahan pendatang asing ini, ditempatkan di depot tahanan sementara dengan makan minum secara gratis (percuma) dan mencukupi, sebelum dihantar pulang juga ditanggung kerajaan menyebabkan mereka tidak pernah rasa serik kerana dilayan dengan baik.

Seperti negara lain, Malaysia sebagai negara berdaulat juga mempunyai undang-undang yang perlu dipatuhi. Kalau berjumpa lampu isyarat berwarna merah, kenalah berhenti. Kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan kompaun.

Daripada hal sekecil-kecilnya seperti ini sampai persoalan lebih besar, rakyat Malaysia sudah dibiasakan untuk mematuhi undang-undang. Bila sampai ke tahap mahkamah dan bila mahkamah sudah buat keputusan, rakyat tidak boleh membuat ulasan kerana dianggap 'menghina mahkamah' yang menjadi suatu lagi kesalahan.

Malangnya, kebanyakan pendatang asing tidak hanya Indonesia, malah Bangladesh, suatu lagi negara yang kerap menimbulkan masalah di sini, menganggap undang-undang adalah suatu permainan yang boleh dimainkan.

Bila ditahan dan dihantar pulang, mereka datang semula. Tidak cukup dengan itu, pemuda Bangladesh mewariskan budaya playboy dan Indonesia pula turut mengimport budaya ganas seperti merompak dan melakukan pelbagai perbuatan jenayah.

Memang disedari tidak semua pendatang bertindak demikian atau melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang ini. Banyak juga yang datang semata-mata mahu mencari rezeki yang halal. Sanggup tinggalkan isteri, suami dan anak untuk mencari kehidupan baru. Bila dapat duit hantar balik kampung.

Pengalaman berada di Indonesia selama hampir dua tahun sebelum ini menyaksikan mereka meninggalkan kesan ekonomi yang baik terhadap kampung halaman mereka.

Selain membina rumah dan mengerjakan tanah pertanian untuk diusahakan oleh saudara mara, mereka membina banyak masjid dan surau. Ramai pula pendatang ini boleh menunaikan fardu haji berkat bumi Malaysia yang bertuah.

Namun, tindakan mereka yang jelas melanggar undang-undang inilah menyebabkan kerajaan memperketatkan peraturan imigresen. Seperti dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hukuman sebat ini terlebih dulu diperkenalkan di Singapura, sebelum dilakukan oleh negara ini.

Suatu persoalan yang timbul mengapakah Jakarta tidak pernah membangkitkan rasa marahnya terhadap Singapura, sedangkan bila Kuala Lumpur melakukan perkara yang sama, ia menimbulkan suatu sentimen yang meluap.

Perlu difahami peraturan imigresen ini dibuat selepas program pengampunan yang berakhir pada 1 Ogos lalu. Sebelum itu, mereka diberi peluang untuk menyerah diri dan pulang ke negara asal masing-masing.

Keputusan kerajaan Malaysia adalah jelas untuk membendung kebanjiran pendatang izin yang banyak menimbulkan masalah sebelum ini. Tidak ada tolak ansurnya lagi kerana beberapa kes yang dirujuk kepada mahkamah selepas 1 Ogos lalu menyaksikan beberapa pendatang sudahpun dikenakan hukuman sebat.

Sebagai sebuah negara yang berkembang maju, negara ini masih memerlukan tenaga kerja yang banyak.

Mahu atau tidak mahu, rakyat asing yang mahu bekerja di negara ini perlu mengikut jalur yang sah. Kita sangat memerlukan mereka tetapi pada masa yang sama, kita mahukan mereka memiliki budaya menghormati budaya dan undang-undang negara lain.

Secara suratan atau kebetulan inilah kepahitan yang terpaksa ditelan oleh kedua-dua pihak. Tidak nampak alasan untuk kerajaan Malaysia berpaling daripada mengenakan hukuman sebat ini sekalipun diketahui negara memerlukan khidmat mereka terutama sektor pembinaan dan perladangan.

Bagi warga asing pula tidak ada jalan lain untuk mereka datang lagi kecuali melewati jalur sah jika mereka tidak mahu disebat.